

JPS atasi masalah petani Pulau Indah

KLANG: Prihatin dengan nasib petani di Pulau Indah yang kerugian akibat tanaman ditenggelami air, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor kini berusaha mendalamkan beberapa kawasan di saluran utama kunci air pulau berkenaan.

Penolong Pengarahnya, Khairul Adzim Saadon, berkata kerja itu terpaksa didahulukan sebelum menaik taraf kunci air menerusi peruntukan RM500,000 yang dijangka diperolehi akhir tahun ini.

Katanya, JPS daerah sudah memohon untuk memperbaiki sistem kunci air sedia ada bagi melancarkan pengaliran air di saluran utama JPS di sekitar kawasan kampung di Pulau Indah.

“Saya sudah melawat kawasan tanaman yang dilaporkan sering ditenggelami air dan mendapat maklumat lengkap daripada penduduk terbabit.

“Beberapa langkah jangka pendek dan panjang sedang kami usahakan,” katanya ketika diminta mengulas laporan Sentral baru-baru ini mengenai masalah petani di Jalan Dato Ahmad Razali, Kampung Sungai Pinang, Pulau Indah.

Petani terbabit mengadu kerugian apabila tanaman mereka tidak mampu mengeluarkan hasil akibat kawasan tanaman sering ditenggelami air dari saluran utama yang tidak diselenggara dengan baik.

Seorang petani, Anuar Mokhtar, 50, menyambut baik langkah segera diambil JPS negeri untuk mengatasi masalah mereka.

Katanya, beliau dan petani lain sebelum ini mengalami kerugian beribu ringgit dan ada antara mereka membuat pinjaman bank bagi menjayakan projek tanaman komersial.

“Malangnya, petani gagal mengutip hasil secukupnya bagi membayar pinjaman bank berikutan kesuburan tanaman terbantut akibat kawasan ditenggelami air,” katanya.

Seorang lagi petani Zain Abdullah, 53, berkata petani sepertinya lebih malang kerana melaksanakan projek pertanian dengan menyewa tanah penduduk.

“Sewa tanah tetap terpaksa dibayar meskipun tanaman musnah ditenggelami air,” katanya ketika ditemui *Sentral* yang meninjau kawasan pertanian Kampung Sungai Pinang di Pulau Indah.